

Dakwaan 'derhaka' Keturunan Raja Aman minta bukti

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

15/2/89

SEREMBAN, Ahad — Keturunan Raja Aman Raja Hussin hari ini mencabar golongan tertentu yang mendakwa Raja Aman sebagai "penderhaka kepada Luak Sungai Ujong" supaya segera mengemukakan bukti bagi menyokong dakwaan itu.

Sambil menyesali perbuatan golongan berkenaan, keturunan Raja Aman berkata, istilah 'derhaka' di segi adat adalah satu hukuman yang hanya boleh dijatuhkan oleh pemerintah yang bertaraf raja sahaja.

"Definasi 'derhaka' ini amatlah berat untuk dipikul, tambahan pula jika ia digunakan sebagai tohmahan untuk memfitnah seseorang bagi mencapai kepentingan sendiri.

"Jika golongan itu tidak dapat membuktikan dakwaan mereka, maka mereka hendaklah menarik balik kenyataan itu serta meminta maaf secara terbuka dengan secepat mungkin," kata cucu tertua Raja Aman Raja Hussin, Raja Zakaria Raja Deli.

Dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini, Raja Zakaria berkata, golongan itu hendaklah mengemukakan segala bukti termasuk tarikh sebenar peristiwa "penjualan Semenyih dan Klang" kepada pemerintah Selangor.

Sebelum ini, dua cucu Raja Aman, Raja Alias Raja Abdul Rahman dan Raja Mohd Yusof Raja Othman menyangkal dakwaan bahawa Raja Aman kononnya terbabit dalam "penjualan Semenyih dan Klang" kepada Selangor.

Mereka berkata, golongan berkenaan sengaja menimbulkan isu itu bagi kepentingan sendiri terutama ketika Dewan Keadilan dan Undang Negeri sedang meneruskan usaha untuk memecahkan kebuntuan berhubung urusan perlantikan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Berita Harian difahamkan bahawa salah seorang keturunan Raja Aman turut disenaraikan oleh anak-anak Waris di Darat daripada Perut Hilir sebagai calon Datuk Kelana Putra ke-10.

Juga difahamkan bahawa dewan baru ini sudah pun memilih tiga nama anak Waris di Darat dalam senarai terakhir calon Datuk Kelana Putra ke-10.

Krisis perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10, yang bermula ekoran kematian Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid dijangka selesai menjelang akhir bulan depan.